

Tambah SJR di Selangor, Kuala Lumpur

Kuala Lumpur: Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin meminta polis menambah jumlah sekatan jalan raya (SJR) kepada 1,000 berikutan tidak puas hati dengan pertambahan pergerakan kenderaan, khususnya di ibu kota dan Selangor.


“Setakat semalam (kelmarin), ada 887 SJR dan 43 SJR Op Benteng di seluruh negara menjadikan jumlah keseluruhan 930. Saya sudah arahkan Ketua Polis Negara (Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani) untuk menambah jumlah SJR terutama di Kuala Lumpur dan Selangor bagi mengehadkan pergerakan kenderaan,” katanya, semalam.

Beliau ditemui selepas melakukan tinjauan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sebuah pusat beli-belah di Bangsar di sini.

Turut hadir Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Azmi Abu Kassim dan Ketua Polis Daerah Brickfields Asisten Komisioner Anuar Omar.

Menurut Hamzah, setakat malam semalam, 86,000 pemeriksaan dilakukan di seluruh negara.

“Hasil pemantauan sejak hari pertama pelaksanaan sekatan pergerakan penuh, saya dapati masih banyak



HAMZAH (tengah) meninjau pematuhan SOP PKP di sebuah pusat beli-belah di ibu kota, semalam.

pergerakan kenderaan terutama di Kuala Lumpur dan Selangor.

“Selain itu, beberapa lokasi di Pulau Pinang juga akan ditambah jumlah SJR kerana banyak pergerakan kenderaan,” katanya.

Pada masa sama, menurut Hamzah, pihaknya akan menempatkan pasukan pemantauan di pintu masuk pusat beli-belah pada hujung minggu ini dan Isnin ini untuk mengelakkan orang ramai berkumpul di premis berkenaan.

Untuk rekod, Isnin ini adalah hari selepas an atau cuti umum sempena Ulang Tahun Hari Kepute-

raan Rasmi Yang di-Pertuan Agong.

“Kita bimbang pusat beli-belah di seluruh negara akan menjadi tumpuan orang ramai untuk aktiviti riadah dan berkumpul berikutan cuti hujung minggu yang panjang pada tiga hari berkenaan.

“Dalam tempoh ini, saya minta tolong kepada semua supaya tidak menjadikan pusat beli-belah sebagai lokasi untuk bertemu atau berjumpa kecuali mereka yang mahu membeli barangan penting sahaja,” katanya.

Menurut Hamzah, dalam tempoh empat hari pelak-

sanaan sekatan pergerakan penuh, berlaku penurunan pergerakan kenderaan di seluruh negara pada hari pertama.

“Berdasarkan tinjauan yang saya lakukan pada hari pertama di lokasi SJR, pergerakan kenderaan menurun. Namun, tinjauan pada hari kedua dan ketiga mendapati terdapat pertambahan jumlah kenderaan di beberapa lokasi.

“Saya tidak berpuas hati dengan jumlah pergerakan kenderaan yang dilihat meningkat dan akan memperingkatkan jumlah pemantauan dan SJR di lokasi yang dikenal pasti,” katanya.